



20 MAR, 2023

TNB, Sunway jalin kerjasama kukuh agenda ESG



Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

TNB, Sunway jalin kerjasama kukuh agenda ESG

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) dan Sunway Group (Sunway) memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) untuk memacu bersama agenda dalam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

TNB dan Sunway dalam satu kenyataan bersama berkata, langkah itu bertujuan untuk mewujudkan nilai perniagaan yang mam-

pan dan meneroka peluang kerjasama dalam mempromosikan penyelesaian peralihan tenaga, mempercepatkan perniagaan tenaga bersih serta membangunkan keupayaan ESG.

“Di bawah MoU itu, kedua-dua TNB dan Sunway akan bekerjasama membangunkan inisiatif bersama dan meneroka peluang baharu dalam skop penyele-

sian peralihan tenaga, perniagaan tenaga bersih dan keupayaan ESG.

“Bidang potensi kerjasama meliputi antara lain, pembangunan pusat data, penggunaan solar fotovoltaik, penyejukan daerah dan infrastruktur kenderaan elektrik dalam hartaan Sunway, pengeluaran Tenaga Boleh Baharu (TBB), penyelesaian digital berkaitan

tenaga, pengupayaan tenaga kerja serta penyelidikan dan pembangunan akademik,” kata kenyataan itu.

TNB dan Sunway berkata, kerjasama yang berjaya dalam mana-mana skop akan membolehkan kedua-dua syarikat mewujudkan nilai perniagaan mampan, pada masa sama membantu mereka memenuhi komitmen ESG masing-masing.